



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

ARAHAN DALAMAN PENGURUSAN KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2020

PELAKSANAAN SUB MODUL TUNTUTAN PERJALANAN DALAM NEGERI MELALUI APLIKASI HRMIS DI INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan pemakaian Sub Modul Pengurusan Tuntutan Dan Pendahuluan Diri bagi fungsi Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri di dalam aplikasi HRMIS bagi menggantikan penggunaan Borang Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri (Lampiran C) yang diisi secara manual.
- 1.2 Pelaksanaan sub modul pengurusan tuntutan dan pendahuluan diri ini akan memberi faedah kepada INSTUN merangkumi:-
 - i. Mengautomasikan pelaksanaan tuntutan perjalanan pegawai-pegawai di INSTUN supaya proses tuntutan lebih teratur dan bersistematik kerana kadar tuntutan telah ditetapkan di dalam borang tuntutan mengikut kelayakan pegawai.
 - ii. Pengemaskinian maklumat profil perkhidmatan pegawai khususnya elemen mata gaji di dalam aplikasi HRMIS secara berterusan.
 - iii. Menyokong pengemaskinian maklumat sandangan pegawai di dalam aplikasi HRMIS supaya maklumat boleh dijana bagi tujuan tuntutan; dan
 - iv. Menyokong aspirasi Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memaksimumkan penggunaan aplikasi HRMIS di dalam proses pengurusan sumber manusia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Change Management HRMIS JPA telah melaksanakan projek rintis Fasa 1 dan 2 di beberapa kementerian dan agensi di bawah pelbagai kementerian untuk menggunakan sub modul pengurusan tuntutan dan pendahuluan diri.
- 2.2 Pelaksanaan projek rintis ini juga merujuk kepada Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2020 – Pelaksanaan Permohonan dan Bayaran Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri secara digital.
- 2.3 Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 - Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Polis), pindaan 1.1.2020 telah menyarankan agar permohonan tuntutan perjalanan dibuat melalui Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS).

3.0 PELAKSANAAN FUNGSI TUNTUTAN PERJALANAN DALAM NEGERI

- 3.1 Sebelum fungsi Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri digunakan, Pentadbir HRMIS dan pemohon (warga INSTUN) perlu membuat persediaan berikut :
 - a) **Pentadbir HRMIS INSTUN**
 - i. Melengkapkan maklumat asas struktur Unit Organisasi serta sandangan dan maklumat profil perkhidmatan ;
 - ii. Menyemak dan mengemaskini maklumat gaji
 - b) **Pemohon (warga INSTUN)**
 - i. Melengkapkan rekod peribadi tuntutan maklumat akaun bank; dan
 - ii. Menyelenggara maklumat kenderaan yang digunakan.
- 3.2 Panduan pemohon (warga INSTUN) di dalam fungsi Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.3 Permohonan yang telah lengkap diisi dan dikunci masuk di dalam sistem hendaklah dimuat turun dan dicetak.
- 3.4 Pemohon hendaklah membuat perakuan tuntutan di dalam ruangan perakuan dengan menurunkan tandatangan.

- 3.5 Pegawai pengesah hendaklah mengesahkan bahawa tuntutan perjalanan pemohon adalah atas urusan rasmi dengan menurunkan tandatangan di ruangan pengesahan.

4.0 KUATKUASA DAN PENGECCUALIAN

- 4.1 Arahan ini berkuatkuasa mulai permohonan tuntutan perjalanan bagi bulan Januari 2021.
- 4.2 Dalam tempoh penyesuaian (*familiarization*) peralihan penggunaan borang manual kepada aplikasi HRMIS, pemohon masih dibenarkan untuk menghantar tuntutan perjalanan menggunakan borang manual bagi bulan Disember 2020 dan Januari 2021.
- 4.3 Pengeccualian kepada arahan ini hanya dibenarkan kepada pemohon di bawah kategori seperti berikut :
- i. Pemohon lantikan baru yang belum mempunyai sandangan di dalam HRMIS.
 - ii. Pemohon yang bertukar masuk ke INSTUN yang masih belum putus sandangan di jabatan lama.
 - iii. Pemohon yang diluluskan secara bertulis oleh Pengarah/Pendaftar untuk mengemukakan tuntutan perjalanan melalui borang manual.

5.0 PERATURAN DAN PEKELILING YANG BERKUATKUASA


- 5.1 Pelaksanaan fungsi Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri melalui Aplikasi HRMIS ini tidak mengubah mana-mana peraturan dan pekeliling Kewangan yang berkuatkuasa seperti berikut :
- i. Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis).
 - ii. Pekeliling Perbendaharaan WP1.10 - Tuntutan Perjalanan Semasa Berkursus Di Dalam Negeri (Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan)
 - iii. Tuntutan Perjalanan Bagi Rawatan Di Luar Stesen Di Bawah Perintah Am Bab F.

- iv. Arahan Perbendaharaan 58 (a), 100 (a), 100 (b) dan 100 (c).
- v. Arahan Dalam Pengurusan Kewangan INSTUN Bil. 1 Tahun 2010,
- vi. Arahan Dalam Pengurusan Kewangan INSTUN Bil. 3 Tahun 2011; dan
- vii. Arahan Dalam Pengurusan Kewangan INSTUN Bil 1 Tahun 2013.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOREHAN BINTI OMAR)

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

INSTUN 91/11/06/11 (25)

Tarikh : 28/12/2020.